

Bahagian A

21 Angka Bererti Significant Figures

- 1 Bundarkan 3.0279 betul kepada tiga angka bererti.
Round off 3.0279 correct to three significant figures.
- A 3.02 C 3.028
B 3.027 D 3.03



Tip Cemerlang

Angka bererti ditakrifkan sebagai suatu integer atau perpuluhan yang boleh digenapkan kepada ketepatan darjah tertentu.
Significant figures is defined as an integer or a decimal which can be rounded off to a certain degree of accuracy.

- 2 Bundarkan 7.086 betul kepada dua angka bererti.
Round off 7.086 correct to two significant figures.
- A 7.0 C 7.08
B 7.1 D 7.09
- 3 Bundarkan 0.6079 betul kepada tiga angka bererti.
Round off 0.6079 correct to three significant figures.
- A 0.60
B 0.61
C 0.607
D 0.608
- 4 Bundarkan 0.05057 betul kepada dua angka bererti.
Round off 0.05057 correct to two significant figures.
- A 0.05 C 0.051
B 0.050 D 0.0510
- 5 Bundarkan 68 732 betul kepada tiga angka bererti.
Round off 68 732 correct to three significant figures.
- A 687
B 688
C 68 700
D 68 800

- 6 Hitung hasil darab bagi 0.1016 dan 0.7. Bundarkan jawapan betul kepada dua angka bererti.
Calculate the product of 0.1016 and 0.7. Round off the answer correct to two significant figures.
- A 0.07 C 0.071
B 0.070 D 0.0711

21 Bentuk Piawai Standard Form

- 7 Ungkapkan 6 319.7 dalam bentuk piawai.
Express 6 319.7 in standard form.
- A 6.3197×10^4
B 6.3197×10^3
C 6.3197×10^2
D 6.3197×10^{-3}



Tip Cemerlang

Bentuk piawai ialah cara menulis suatu nombor tunggal dalam bentuk $A \times 10^n$ dengan keadaan $1 \leq A < 10$, n ialah integer.
Standard form is a way to write a single number in the form of $A \times 10^n$ where $1 \leq A < 10$, n is an integer.


- 8 Ungkapkan 4.063×10^4 sebagai satu nombor tunggal.
Express 4.063×10^4 as a single number.
- A 4 063
B 40 630
C 4 063 000
D 40 630 000
- 9 Rajah 1 menunjukkan empat keping kad nombor yang disusun mengikut tertib menaik.
Diagram 1 shows four number cards arranged in ascending order.
- 1 765

1 845

P

2 005
- Rajah 1/ Diagram 1
- Antara berikut, yang manakah mewakili P?
Which of the following represents P?
- A 1.925×10^3
B 1.925×10^4
C 1.925×10^{-3}
D 1.925×10^{-4}

- 10 $5.15 \times 10^{-9} - 1.4 \times 10^{-10} =$
 A 5.01×10^{-10} C 3.73×10^{-9}
 B 3.73×10^{-10} D 5.01×10^{-9}
- 11 $0.00098 - 5.9 \times 10^{-5} =$
 A 4.92×10^{-6} C 9.21×10^{-4}
 B 9.21×10^{-5} D 3.9×10^{-3}
- 12 $\frac{0.081}{(3 \times 10^2)^3} =$
 A 3×10^{-8}
 B 3×10^{-9}
 C 2.7×10^{-9}
 D 2.7×10^{-12}
- 13 $\frac{7.28 \times 10^8}{1.3 \times 10^3} =$
 A 5.6×10^6
 B 5.6×10^5
 C 5.6×10^{-5}
 D 5.6×10^{-6}
- 14 Jarak di antara planet Marikh dan Matahari ialah 1.08×10^8 km. Diberi bahawa laju cahaya ialah 3×10^8 m s⁻¹, hitung masa, dalam s, yang diambil oleh cahaya untuk bergerak dari Matahari ke Marikh. **KBAT**
The distance between Venus and the Sun is 1.08×10^8 km. Given that the speed of light is 3×10^8 m s⁻¹, calculate the time, in s, taken by the light to travel from the Sun to Venus.
 A 3.6×10^2
 B 3.6×10^1
 C 0.36×10^{-2}
 D 0.36×10^{-3}
- 15 209.7×10^{12} ditulis sebagai 2.097×10^x dalam bentuk piawai. Nyatakan nilai x.
 209.7×10^{12} is written as 2.097×10^x in standard form. State the value of x.
 A 11 C 13
 B 12 D 14
- 16 Rajah 2 menunjukkan bentangan bagi sebuah kubus.
Diagram 2 shows the net of a cube.




Rajah 2/ Diagram 2

Diberi bahawa jumlah luas permukaan bentangan itu ialah 294 cm^2 . Hitung isi padu, dalam m³, kubus itu. **KBAT**

Given that the total area of the net is 294 cm^2 . Calculate the volume, in m³, of the cube.

- A 3.43×10^{-4}
 B 3.43×10^{-5}
 C 4.9×10^{-6}
 D 4.9×10^{-9}

- 17 Rajah 3 menunjukkan sebuah tangki kosong berbentuk kuboid.
Diagram 3 shows an empty cuboidal tank.




Rajah 3/ Diagram 3

Encik Hilmi mengisi 75% tangki tersebut dengan air. Hitung isi padu, dalam cm³, air di dalam tangki itu. **KBAT**

Encik Hilmi filled up 75% of the tank with water. Calculate the volume, in cm³, of water in the tank.

- A 3.7×10^6
 B 2.7×10^7
 C 3.7×10^8
 D 2.7×10^8

- 18 Rajah 4 menunjukkan sebuah tangki air berbentuk silinder.
Diagram 4 shows a cylindrical water tank.



Rajah 4/ Diagram 4

Tangki tersebut diisi penuh dengan air. Hitung isi padu, dalam cm³, air di dalam tangki itu.

The tank is fully filled with water. Calculate the volume, in cm³, of water in the tank. **KBAT**

[Guna/ Use $\pi = \frac{22}{7}$]

- A 2.31×10^5
 B 2.31×10^6
 C 8.085×10^7
 D 8.085×10^8